Terjemahan Tafsir Ibnu Kathir - Surah Ar Ra'd Ayat 12, 13 :

هُوَ ٱلَّذِي يُرِيكُمُ ٱلۡبَرۡقَ خَوۡفٗا وَطَمَعٗا وَيُنشِئُ
ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ١٢
وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعۡدُ بِحَمۡدِهِۦ وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ مِنۡ خِيفَتِهِۦ وَيُرۡسِلُ
ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمۡ يُجَٰدِلُونَ فِي ٱللَّهِ وَهُوَ
شَدِيدُ ٱلۡمِحَالِ ١٣

MAKSUD AYAT SECARA UMUM

SURAH AR RA’D AYAT 12[1]

Turutan perkataan di dalam Al Quran bermula dari 32,029 hingga 32,037.

هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ ...

“Dia lah Tuhan yang memperlihatkan tanda-tanda kekuasaanNya berupa kilat[2] kepada kamu ...

... خَوْفًا ...

... untuk menakutkan (dari panahan petir itu terhadap orang-orang yang sedang musafir disebabkan suara halilintarnya) ...

... وَطَمَعًا ...

... dan memberikan harapan (bagi orang yang bermukim terhadap turunnya hujan) ...

... وَيُنشِئُ ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ.

... dan Dialah Tuhan yang menjadikan awan mendung tebal yang berat (kerana

---

[1] هُوَ ٱلَّذِى يُرِيكُمُ ٱلْبَرْقَ خَوْفًا وَطَمَعًا وَيُنشِئُ ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ﴿سورة الرعد آية ١٢﴾.
إعراب القرآن - قاسم دعاس - (هُوَ) مبتدأ (الَّذِي) اسم موصول خبر (يُرِيكُمُ) مضارع مرفوع بالضمة المقدرة على الياء للثقل وفاعله مستتر والكاف مفعول به أول والميم للجمع (الْبَرْقَ) مفعول به ثان والجملة صلة (خَوْفاً) مفعول لأجله أو حال (وَطَمَعاً) معطوف على خوفا (وَيُنْشِئُ) الواو عاطفة ومضارع مرفوع وفاعله مستتر (السَّحابَ) مفعول به والجملة معطوفة (الثِّقالَ) صفة.

[2] Muyassar, cahaya menyilau terang keluar antara celah-celah awan.

mengandung air hujan bagi manafaat kamu).”[3].

SURAH AR RA’D AYAT 13[4]

Turutan perkataan di dalam Al Quran bermula dari 32,038 hingga 32,056.

وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعْدُ بِحَمْدِهِۦ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِۦ ...

“Dan Dia lah juga Tuhan yang guruh dan malaikat[5] bertasbih memujiNya[6] (menunjukkan ketundukkannya kepada tuhannya), dan kerana takut kepadaNya ...

... وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ ...

... dan Dia lah juga yang menghantarkan petir dan halilintar[7] ...

... فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ ...

... lalu Dia mengenakan dengan panahan petir dan halilintarnya itu lalu menimpa kepada sesiapa yang dikehendakinya (kemudian halilintar itu membakarnya[8]) ...

... وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ ...

... dan mereka yang kufur ingkar itu membantah (serta mendustakan RasulNya)

---

[3] Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

[4] وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعْدُ بِحَمْدِهِۦ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِۦ وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

إعراب القرآن - قاسم دعاس - (وَيُسَبِّحُ الرَّعْدُ) مضارع مرفوع وفاعله والجملة معطوفة بالواو (بِحَمْدِهِ) متعلقان بمحذوف حال (وَالْمَلائِكَةُ) عطف على الرعد (وَيُرْسِلُ) مضارع مرفوع وفاعله مستتر والجملة معطوفة بالواو (الصَّواعِقَ) مفعول به (فَيُصِيبُ).

[5] Jalalain, iaitu malaikat yang diserahi tugas untuk mengiring mendung.

[6] Jalalain, ertinya dia selalu mengucapkan kalimat سبحان الله وبحمده.

[7] Jalalain, iaitu api yang keluar dari mendung.

Muyassar, cahaya menyilau terang keluar antara celah-celah awan.

[8] Jalalain, Ayat ini diturunkan berkenaan dengan seorang laki-laki yang Nabi saw. mengutus seseorang untuk menyerunya menyembah Allah, akan tetapi laki-laki itu menjawab, siapakah utusan Allah Taala itu, dan siapakah Allah Taala itu, apakah Dia dari emas atau dari perak atau dari tembaga, ketika itu juga turunlah halilintar menyambarnya sehingga hancur tulang tempurung kepalanya.

mengenai perkara yang berhubung dengan Allah Subhanahu Wataala (berupa ketauhidanNya dan Maha Kuat kuasaNya) ...

... وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ.

... padahal Dialah Tuhan Yang amat keras azab seksanya (bagi yang menderhaka kepadaNya)."[9].

ALLAH TAALA MENUNDUKKAN KILAT, PETIR DAN HALILINTAR

Allah Subhanahu Wataala menceritakan, Dialah yang menundukkan kilat, iaitu cahaya kemilau yang menyilaukan dari celah-celah awan.

ابن جرير meriwayatkan[10] bahawa ابن عباس pernah berkirim surat kepada أبي الجلد bertanya kepadanya tentang kilat.

Maka أبو الجلد menjawab bahawa kilat itu adalah air (hujan).

Firman Allah Subhanahu Wataala :

... خَوْفًا وَطَمَعًا ... ﴿سورة الرعد آية ١٢﴾.

Yang bermaksud, "... untuk menakutkan (dari panahan petir itu terhadap orang-orang yang sedang musafir disebabkan suara halilintarnya), dan memberikan harapan (bagi orang yang bermukim terhadap turunnya hujan) ..."[11].

قتادة mengatakan خوفا ialah bahawa ketakutan bagi orang yang sedang dalam perjalanan yakni takut terhadap bahayanya.

AWAN MENDUNG BERAIR HUJAN MEMBAWA RAHMAT KEBERKATAN

Dan طمعا ialah harapan bagi orang yang bermukim (ada di tempat tinggalnya) adalah berharap berkah dan manfaat dari kilat, serta mengharapkan rezeki Allah (iaitu hujan).

---

[9] Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

[10] [36] تفسير ابن جرير (1/434)(16/20251) ثنى المثنى ثنا حجاج ثنا حماد أخبرنا موسى ابن سالم أبو جهضم مولى ابن عباس قال ... فذكره وموسى بن سالم روايته عن ابن عباس مرسلة وأخرجه أيضا (1/437، 443) من طريق بشر بن إسماعيل عن أبي كثير قال كنت عند أبي الجلد إذ جاءه رسول ابن عباس بكتاب إليه فكتب غليه كتبت تسألني عن الرعد وفي رواية البرق فالرعد الريح وفي رواية أخرى البرق الماء قال الشيخ أحمد شاكر هو إسناد مشكل ما وجدت ترجمة بشر ابن إسماعيل وما عرفت من هو ثم لم أعرف من أبو كثير الراوي عن أبي الجلد وأخرجه أبو الشيخ في العظمة (4/769) من طريق بشر بن سلمان تصحف إلى سليمان حدثنا أبو كثير بنحو السابق.

[11] Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

... وَيُنشِئُ ٱلسَّحَابَ ٱلثِّقَالَ ﴿سورة الرعد آية ١٢﴾.

Yang bermaksud, "... dan Dialah Tuhan yang menjadikan awan mendung tebal yang berat (kerana mengandung air hujan bagi manafaat kamu)."[12].

Yakni Allah Taala menciptakannya dalam bentuk yang baru.

Awan mendung ini, kerana banyaknya air yang dikandungnya, maka berada dekat dengan permukaan bumi.

مجاهد mengatakan bahawa السحاب الثقال ertinya awan yang mengandung air.

GURUH DAN MALAIKAT GERUN BERTASBIH MEMUJI ALLAH TAALA

Firman Allah Subhanahu Wataala :

وَيُسَبِّحُ ٱلرَّعْدُ بِحَمْدِهِۦ ... ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "Dan Dia lah juga Tuhan yang guruh dan malaikat[13] bertasbih memujiNya[14] (menunjukkan ketundukkannya kepada tuhannya) ..."[15].

Ayat ini semakna dengan firman Allah Subhanahu Wataala yang mengatakan :

... وَإِن مِّن شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِۦ ... ﴿سورة الإسراء آية ٤٤﴾.

Yang bermaksud, "... dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memujiNya ..."[16].

HADITH TENTANG AWAN BERBICARA DAN TERTAWA

قَالَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ[17] حَدَّثَنَا يَزِيْدُ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيْمُ بْنُ سَعْدٍ أَخْبَرَنِيْ أَبِيْ قَالَ كُنْتُ جَالِسًا إِلَى

[12] Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

[13] Jalalain, iaitu malaikat yang diserahi tugas untuk mengiring mendung.

[14] Jalalain, ertinya dia selalu mengucapkan kalimat سبحان الله وبحمده.

[15] Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

[16] Basmeih.

[17] [37] صحيح المسند (23798)(5/435) وأخرجه العقيلي في الضعفاء (1/35-36) والرامهرمزي في الأمثال (س154) والبيهقي في الأسماء والصفات (2/988) من طريق إبراهيم ابن سعد به وهذا إسناد صحيح على شرط الشيخين وجهالة الصحابي لا تضر وأخرجه أبو الشيخ في العظمة (4/718) من طريق عبد الواحد بن أبي عون عن سعد بن إبراهيم به مختصرا ومن طريق الأعرج عن حميد بن عبد الرحمن عن الغفاري به لكن في إسناده محمد بن إسحاق ولم يصرح في الإسناد الثاني بالسماع وأخرجه العقيلي والرامهرمزي وابن مردويه كما في الدر المنثور (4/95) من حديث أبي هريرة وفي إسناده عمور بن الحصين متروك وأمية بن سعيد الأموي مجهول والحديث زاد نسبته السيوطي إلى ابن أبي الدنيا في

جَنْبِ حُمَيْد بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ فِي الْمَسْجِدِ فَمَرَّ شَيْخٌ مِنْ بَنِيْ غِفَارٍ فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ حُمَيْدٌ فَلَمَّا أَقْبَلَ قَالَ يَا ابْنَ أَخِيْ وَسِّعْ لَهُ فِيمَا بَيْنِيْ وَبَيْنَكَ فَإِنَّهُ قَدْ صَحِبَ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَجَاءَ حَتَّى جَلَسَ فِيْمَا بَيْنِيْ وَبَيْنَهُ فَقَالَ لَهُ حُمَيْدٌ مَا الْحَدِيْثُ الَّذِيْ حَدَّثْتَنِيْ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ؟ فقال الشَّيْخُ سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُوْلُ إِنَّ اللهَ يُنْشِئُ السَّحَابَ فَيَنْطِقُ أَحْسَنَ النُّطْقِ وَيَضْحَكُ أَحْسَنَ الضَّحِكِ.

Yang bermaksud, Imam أحمد mengatakan, telah menceritakan kepada kami يزيد telah menceritakan kepada kami إبراهيم بن سعد telah menceritakan kepadaku ayahku yang mengatakan bahawa,

Dia duduk di sebelah حميد بن عبد الرحمن di masjid, lalu lewatlah seorang syekh dari kalangan Bani غفار kemudian حميد menyuruh seseorang untuk memanggilnya.

Setelah syekh itu tiba, ia mengatakan, “Hai anak saudaraku, luaskanlah tempat duduk antara aku dan engkau”.

Syekh itu pernah menemani Rasulullah sallallahu alaihi wasallam (yakni bermartabat seorang sahabat).

Syekh itu datang, lalu duduk di antara aku dan حميد.

حميد bertanya kepadanya, “hadith apakah yang akan engkau ceritakan kepadaku dari Rasulullah sallallahu alaihi wasallam?”.

Syeikh itu menjawab bahawa dia pernah mendengar dari seorang syeikh dari kalangan Bani غفار bercerita bahawa syeikh yang kedua ini pernah mendengar Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam bersabda, sesungguhnya Allah Taala mengadakan awan, maka awan itu dapat berbicara dengan suara yang paling baik dan dapat tertawa dengan tawa yang paling baik.

Makna yang dimaksudkan hanya Allah Taala lah yang lebih mengetahui bahawa ucapan awan adalah petirnya, dan tertawanya ialah kilatnya.

RIWAYAT TENTANG HUJAN BERBICARA DAN TERTAWA

كتاب المطر وصرح بأن صاحبه هو أبو ذر الغفاري وهو خلاف ما وقفنا عليه من مصادر حيث لم نقف على التصريح بذلك والله أعلم والحديث صححه الألباني في الصحيحة (4/1665).

موسى بن عبيدة telah meriwayatkan[18] dari سعد ابن إبراهيم yang mengatakan bahawa Allah mengirimkan hujan, maka tiada tawa yang lebih baik daripada tawanya, dan tiada bicara yang lebih indah daripada bicaranya. Tertawanya adalah kilat, dan bicaranya adalah petir.

MAKNA LAIN TENTANG KILAT ADALAH SEORANG MALAIKAT

ابن أبي حاتم mengatakan[19], telah menceritakan kepada kami ayahku, telah menceritakan kepada kami هشام بن عبيد الله الرازي dari محمد بن مسلم yang mengatakan, “Telah sampai kepada kami, suatu berita bahawa kilat adalah seorang malaikat yang memiliki empat muka, iaitu muka manusia, muka lembu liar, muka elang, dan muka singa; apabila mengibaskan ekornya, maka itulah kilatnya”.

HADITH TENTANG BACAAN KETIKA MENDENGAR GURUH DAN PETIR

قَالَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ[20] حَدَّثَنَا عَفَّانُ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ بْنُ زِيَادٍ حَدَّثَنَا الْحَجَّاجُ حَدَّثَنِي أَبُو مَطَرٍ

---

18 [38] موسى بن عبيدة الرّبذي ضعيف لكن تابعه سليمان بن داود الهاشمي وهو ثقة جليل عند أبي الشيخ في العظمة (4/719) به مختصرا وقد عزاه السيوطي في الدر المنثور (4/95) إلى أحمد وابن أبي الدنيا في كتاب المطر وأبي الشيخ في العظمة والبيهقي في الأسماء والصفات وسبق تخريجه من مسند أحمد وغيره من المصادر ولم يرد فيها قول إبراهيم هذا وقد وردت هذه الزيادة في حديث أبي هريرة المشار إليه سابقا بلفظ ... منطقه الرعد وضحكه البرق لكن إسناده لا تقوم به حجة كما بينا والله أعلم.

19 [39] وأورده المصنف أيضا في البداية والنهاية (1/41) كما هنا ومحمد بن مسلم هو ابن عثمان أبو عبد الله بن وارة الحافظ ثقة مترجم له في التهذيب وهشام بن عبيد الله الرازي قال أبو حاتم صدوق وقال بن حبان كان يهم ويخطئ على الثقات مترجم له في اللسان.

20 [40] إسناده فيه جهالة مسند (5763)(2/100-101) ومن طريق عفان به وأخرجه الحاكم (4/286) وسقط عنده الحجاج والصواب إثباته كما صرح به ابن حجر في التهذيب (12/259) والبيهقي في الكبرى (3/362) وتصحف عنده أبو مطر إلى أبي مظفر وأخرجه الترمذي (3446) والبخاري في الأدب المفرد (721) والنسائي في الكبرى كتاب عمل اليوم والليلة (6/10764) وأبو يعلى في مسنده (9/5507) وفي المعجم (309) من طريقه أبو الشيخ في العظمة (4/781) وابن السني في عمل اليوم والليلة (298) ... والدولابي في الكنى (2/117) والطبراني في الكبير (12/13230) ومن طريقه المزى في تهذيب الكمال (34/298) من طرق عن عبد الواحد بن زياد به ورواه النسائي (10763) من طريق سيار بن حاتم عن عبد الواحد ولم يذكر حجاجا وسيار صدوق له أوهام والله تعالى أعلم وقال الحاكم صحيح الإسناد ووافقه الذهبي مع أنه قال في الميزان (6/248) أبو مطر لا يدري من هو وكذا جهله الحافظ ابن حجر ولذلك قال الترمذي حديث غريب لا نعرفه إلا من هذا الوجه والحديث زاد نسبته السيوطي في الدر المنثور إلى ابن أبي شيبة وابن المنذر وابن مردويه والخرئطي في مكارم الأخلاق.

عَنْ سَالِمٍ عَنْ أَبِيْهِ قَالَ كَانَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا سَمِعَ الرعْد وَالصَّوَاعِقَ قَالَ اللَّهُمَّ لَا تَقْتُلْنَا بِغَضَبِكَ وَلَا تُهْلِكْنَا بِعَذَابِكَ وَعَافِنَا قَبْلَ ذَلِكَ.

Yang bermaksud, Imam أحمد mengatakan, telah menceritakan kepada kami عفان telah menceritakan kepada kami عبد الواحد بن زياد telah menceritakan kepada kami الحجاج telah menceritakan kepada kami أبو مطر dari سالم dari ayahnya yang mengatakan bahawa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam apabila mendengar suara guruh dan petir, beliau mengucapkan doa berikut : Ya Allah, janganlah Engkau bunuh kami dengan murka-Mu, dan janganlah Engkau binasakan kami dengan azab-Mu, dan maafkanlah kami sebelum itu.

Hadith ini merupakan riwayat Imam الترمذي dan Imam البخاري di dalam كتاب الأدب, serta Imam النسائي di dalam Bab "Zikir Malam dan Siang Hari".

Imam الحاكم di dalam kitab مستدركnya meriwayatkannya melalui hadith الحجاج بن أرطاة dari أبي مطر tetapi ia tidak menyebutkan namanya.

HADITH LAIN KETIKA MENDENGAR GURUH DAN PETIR

قَالَ الْإِمَامُ أَبُوْ جَعْفَرِ بْنُ جَرِيْرٍ[21] حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ إِسْحَاقَ حَدَّثَنَا أَبُوْ أَحْمَدَ حَدَّثَنَا إِسْرَائِيْلُ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ رَجُلٍ عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَفَعَ الْحَدِيْثَ قَالَ إِنَّهُ كَانَ إِذَا سَمِعَ الرَّعْدَ قَالَ سُبْحَانَ مَنْ يُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ.

Yang bermaksud, Imam أبو جعفر بن جرير mengatakan, telah menceritakan kepada kami أحمد بن إسحاق telah menceritakan kepada kami أبو أحمد telah menceritakan kepada kami إسرائيل dari ayahnya, dari seorang lelaki, dari أبي هريرة yang meرفعkannya (sampai kepada Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam).

Disebutkan bahawa Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam membaca doa berikut apabila mendengar suara guruh, Maha Suci Tuhan yang guruh bertasbih dengan memuji-Nya.

---

[21] [41] إسناده فيه جهالة تفسير ابن جرير (16/20260) وزاد نسبه السيوطي في الدر المنثور (4/97) إلى ابن مردويه.

Diriwayatkan dari علي[22] radhiyAllahu anhu bahawa apabila dia mendengar suara guruh, dia mengucapkan doa berikut, Maha Suci Tuhan yang engkau bertasbih kepada-Nya.

Hal yang sama telah diriwayatkan dari ابن عباس[23] dan طاوس dan الأسود بن يزيد bahawa mereka mengucapkan doa tersebut.

SEBAB MEMBACA BACAAN KETIKA MENDENGAR GURUH DAN PETIR

الأوزاعي mengatakan[24], ابن أبي زكريا pernah berkata bahawa barang siapa yang mendengar suara guruh, lalu membaca doa ini, Maha Suci Allah dan dengan memuji kepada-Nya,' nescaya dia tidak akan disambar petir.

Dari عبد الله بن الزبير disebutkan bahawa apabila dia mendengar suara guruh, sedangkan dia dalam keadaan berbicara, maka dia menghentikan pembicaraannya dan mengucapkan doa, Maha Suci Tuhan yang guruh dan para malaikat bertasbih kepada-Nya dengan memuji-Nya kerana takut kepada-Nya.

Lalu dia berkata, "Sesungguhnya suara ini benar-benar merupakan peringatan yang keras bagi penduduk bumi".

Demikianlah menurut riwayat Imam مالك di dalam kitab موطأnya dan Imam البخاري di dalam كتاب الأدب[25].

---

[22] [42] إسناده ضعيف جدا أخرجه ابن جرير (16/20261) وفي إسناده مَسْعَدَة بن الْيَسَع الباهلي هالك وكذبه أبو داود وقال أحمد بن جنبل خرقنا حديثه من دهر وقال أبو حاتم هو ذاهب منكر الحديث لا يشتغل به ... الجرح والتعديل (8/370) ولسان الميزان (9/28).

[23] [43] إسناده حسن أخرجه البخاري في الأدب المفرد (722) وابن جرير في تفسيره (1/436)(16/20262) وفي إسناده الحكم بن أبان صدوق عابد وله أوهام كما في التقريب وزاد نسبته السيوطي في الدر المنثور (4/66) إلى ابن أبي الدنيا في كتاب المطر.

[24] [44] أخرجه ابن جرير (16/20265) وأخرجه أبو الشيخ في العظمة (4/785) من طريق آخر عن عبد الرحمن بن يزيد بن جابر عن عبد الله بن ابي زكريا قال بلغني أنه من سمع الرعد فقال سُبْحَانَ اللهِ وَبِحَمْدِهِ لم تصبه صاعقه وزاد نسبته السيوطي في الدر المنثور (4/98) إلى ابن أبي شيبة.

[25] [45] إسناده صحيح أخرجه مالك في الموطأ كتاب الكلام باب القول إذا سمعت الرعد (26) عن عامر بن عبد الله بن الزبير عن أبيه سقط من طبعة عبد الباقي عن أبي فليستدرك فذكره ومن طريق مالك أخرجه البخاري في الأدب المفرد (724) وأحمد في الزهد (ص249) وأبو الشيخ في العظمة (4/783) والبيهقي في السنن الكبرى (3/362) وزاد نسبته السيوطي في الدر المنثور (4/98) إلى ابن سعد وابن أبي شيبة وابن المنذر والخرائطي.

KESAN TAAT KEPADA ALLAH TAALA

قَالَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ[26] حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ دَاوُدَ الطَّيَالِسِيُّ حَدَّثَنَا صَدَقة بْنُ مُوسَى حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ وَاسِعٍ عَنْ شِتَيْرِ بْنِ نَهَارٍ عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَالَ رَبُّكُمْ عَزَّ وَجَلَّ لَوْ أَنَّ عَبِيْدِيْ أَطَاعُوْنِيْ لَأَسْقَيْتُهُمُ الْمَطَرَ بِاللَّيْلِ وَأَطْلَعْتُ عَلَيْهِمُ الشَّمْسَ بِالنَّهَارِ وَلَمَا أَسْمَعْتُهُمْ صَوْتَ الرَّعْدِ.

Yang bermaksud, Imam أحمد mengatakan, telah menceritakan kepada kami سليمان بن داود الطيالسي telah menceritakan kepada kami صدقة بن موسى telah menceritakan kepada kami محمد بن واسع dari معمر بن نهر dari أبي هريرة bahawa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam pernah bersabda : Tuhan kamu semua telah berfirman, “Sekiranya hamba-hamba-Ku taat kepada-Ku, tentulah Aku sirami mereka dengan air hujan di malam hari, dan Aku terbitkan kepada mereka matahari di siang harinya, dan tentulah Aku tidak akan memperdengarkan suara guruh kepada mereka”.

KESAN ZIKIR KEPADA ALLAH TAALA KETIKA MENDENGAR GURUH

قَالَ الطَّبَرَانِيُّ[27] حَدَّثَنَا زَكَرِيَّا بْنُ يَحْيَى السَّاجِيُّ حَدَّثَنَا أَبُوْ كَامِلٍ الْجَحْدرِيُّ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ كَثِيْرٍ أَبُو النَّضْرِ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْكَرِيْمِ حَدَّثَنَا عَطَاءٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا سَمِعْتُمُ الرَّعْدَ فَاذْكُرُوا اللهَ فَإِنَّهُ لَا يُصِيْبُ ذَاكِرًا.

---

[26] [46] إسناده ضعيف المسند (8693)(2/359) والحديث في مسند الطيالسي (2586) ومن طريقه أيضا البزار (1/رقم 664 كشف) والحاكم (4/256) وأخرجه الحاكم أيضا (2/349) وعنه البيهقي في الزهد الكبير (719) عن موسى بن إسماعيل ثنا صدقة بن موسى به وقال الحاكم في الموضعين حديث صحيح الإسناد وتعقبه الذهبي في الموضعين فقال في الأول بل صدقة بن موسى واه وقال في الثاني ... قلت ومداره عبى صدقة بن موسى الدقيقي ضعفه ابن معين وغيره وقال مسلم بن إبراهيم حدثنا صدقة الدقيقي وكان صدوقا قلت وتضعيفه هو الأولى فقد ضعفه أيضا النسائي والساجي والدولابي وقال الترمذي ليس عنده بذاك القوي وقال أبو حاتم لين الحديث يكتب حديثه ولا يحتج به التهذيب لان حجر وقد روى الحديث من مسند أبي سعيد الخدري أخرجه الدارقطني في العلل (11/س2306) ومن طريقه ابن الجوزي في المتناهية (2/1321) والبيهقي في الزهد (718) وأفاد أن رواية أبي هريرة هي الصحيحة وقال الدارقطني والحديث غير ثابت.

[27] [47] إسناده ضعيف المعجم الكبير (11/11371) وأخرجه أبو الشيخ في العظمة (4/782) ثنا زكريا الساجي به وذكره الهيثمي في المجمع (10/139) وقال رواه الطبراني وفيه يحيى بن كثير أبو النضر وهو ضعيف وزاد نسبته السيوطي في الدر المنثور (4/98) إلى ابن مردويه.

Yang bermaksud, Imam الطبراني mengatakan, telah menceritakan kepada kami زكريا بن يحيى الساجي telah menceritakan kepada kami أبو كامل الجحدري telah menceritakan kepada kami يحيى بن كثير أبو النضر telah menceritakan kepada kami عبد الكريم telah menceritakan kepada kami عطاء dari ابن عباس yang mengatakan bahawa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam pernah bersabda, apabila kamu semua mendengar suara guruh, maka berzikirlah kepada Allah, kerana sesungguhnya guruh tidak akan mengenai orang yang berzikir.

PANAHAN PETIR

Firman Allah Subhanahu Wataala :

... وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ ... ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "... dan Dia lah juga yang menghantarkan petir dan halilintar[28], lalu Dia mengenakan dengan panahan petir dan halilintarnya itu lalu menimpa kepada sesiapa yang dikehendakinya (kemudian halilintar itu membakarnya[29]) ..."[30].

Ertinya, Allah Taala melepaskan petir sebagai azab-Nya yang Dia timpakan kepada siapa yang dikehendaki-Nya.

Kerana itulah halilintar banyak terjadi di akhir zaman, seperti apa yang dikatakan oleh Imam أحمد[31].

BANYAKNYA PANAHAN PETIR DI AKHIR ZAMAN

---

[28] Jalalain, iaitu api yang keluar dari mendung.

Muyassar, cahaya menyilau terang keluar antara celah-celah awan.

[29] Jalalain, Ayat ini diturunkan berkenaan dengan seorang laki-laki yang Nabi saw. mengutus seseorang untuk menyerunya menyembah Allah, akan tetapi laki-laki itu menjawab, siapakah utusan Allah Taala itu, dan siapakah Allah Taala itu, apakah Dia dari emas atau dari perak atau dari tembaga, ketika itu juga turunlah halilintar menyambarnya sehingga hancur tulang tempurung kepalanya.

[30] Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

[31] [48] إسناده ضعيف المسند (11637)(3/64-65) وأخرجه الحاكم (4/444) من طريق محمد بن مصعب به وقال هذا حديث صحيح عبى شرط مسلم ولم يخرجاه فتعقبه الذهبي قائلا عمارة ثقة لم يخرجوا له قلت وهذا ليس إعلالا له والأصل أن يعل بمحمد بن مصعب فإنه صدوق كثير الخطأ وبه أعله الهيثمي في المجمع (8/12) فقال رواه أحمد عن محمد بن مصعب وهو ضعيف وقد أعله الذهبي نفسه أحاديث في المستدك بمحمد هذا فانظر (3/176-177).

Dia (Imam أحمد) mengatakan :

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ مُصْعَبٍ حَدَّثَنَا عُمَارَةُ عَنْ أَبِيْ نَضْرَةَ عَنْ أَبِيْ سَعِيْدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تَكْثُرُ الصَّوَاعِقُ عِنْدَ اقْتِرَابِ السَّاعَةِ حَتَّى يَأْتِيَ الرَّجُلُ الْقَوْمَ فَيَقُوْلُ مَنْ صُعِقَ تِلْكُمُ الْغَدَاةَ؟ فَيَقُوْلُوْنَ صعِق فُلَانٌ وَفُلَانٌ وَفُلَانٌ.

Yang bermaksud, telah menceritakan kepada kami محمد بن مصعب telah menceritakan kepada kami عمارة dari أبي نضرة dari أبي سعيد الخدري radhiyAllahu anhu bahawa Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam pernah bersabda, halilintar akan banyak bila hari kiamat telah dekat, sehingga seorang lelaki datang kepada suatu kaum, lalu dia mengatakan, siapakah yang telah disambar petir di antara kamu semua kemarin?, maka mereka menjawab, si Fulan, si Fulan, dan si Fulan.

ASBABUN NUZUL AYAT 13 DARIPADA SURAH AR RA'D TENTANG BADUI

Telah diriwayatkan sebuah hadith berkenaan dengan asbabun nuzul ayat ini oleh Al Hafiz أبو يعلى الموصلي[32] telah menceritakan kepada kami إسحاق telah menceritakan kepada kami علي بن أبي سارة الشيباني telah menceritakan kepada kami ثابت dari أنس bahawa Rasulullah sallallahu alaihi wasallam mengirimkan seorang lelaki kepada seseorang dari kalangan orang-orang Badui yang kafir.

Beliau sallallahu alaihi wasallam memerintahkan kepada pesuruhnya itu, pergilah dan serulah dia untuk memeluk (agama)ku!.

Pesuruh itu pun berangkat menuju ke tempat lelaki Badui itu.

Setelah datang, dia berkata kepadanya, Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menyerumu! Lelaki Badui itu bertanya, siapakah Rasulullah, dan apakah Allah itu, apakah dari emas ataukah dari perak atau dari tembaga?.

[32] [49] حسن مسند أبي يعلى (6/3342) بالإسناد دون اللفظ وأخرجه النسائي في التفسير (6/11269) والعقيلي في الضعفاء (3/232-233) وابن جرير (16/20270) والطبراني في الأوسط (3/2602) والواحدي في أسباب النزول (ص205) من طريق على بن أبي سارة به وهذا إسناد صعيف علته على هذا قال البخاري في حديثه نظر وقال أبو حاتم شيخ ضعيف الحديث ولكن تابعه ديلم بن عزوان وهو صدوق عن ثابت به أخرجه ابن أبي عاصم في السنة (1/692) والبزار (3/2221) وأبو يعلى (3341) والبيهقي في الدلائل (6/283) وذكره الهيثمي في المجمع (7/45) وقال رواه أبو يعلى والبزار بنحوه ... وبنحو هذا رواه الطبراني في الأوسط ... ورجال البزار رجال الصحيح غير ديلم بن عزوان وهو ثقة وفي رجال أبي يعلى والطبراني على بن أبي سارة وهو ضعيف وزاد نسبه السيوطي إلى ابن المنذر وابن أبي حاتم وأبي الشيخ وابن مردويه وانظر ما بعده.

Pesuruh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam kembali menghadap kepada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dan menceritakan apa yang dialaminya.

Dia berkata kepada Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam, telah aku ceritakan kepadamu bahawa orang itu jauh lebih ingkar daripada apa yang diperkirakan.

Dia mengatakan anu dan anu kepadaku (menunjukkan keingkarannya).

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda kepadaku, pergilah lagi kamu kepadanya!.

Pesuruh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam berangkat lagi kepadanya untuk kedua kalinya, dan lelaki Badui yang diserunya mengatakan hal yang sama dengan sebelumnya.

Maka pesuruh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam kembali dan berkata kepada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, wahai Rasulullah, telah aku ceritakan kepadamu bahawa dia lebih ingkar daripada itu.

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda kepadanya, kembalilah kamu dan serulah dia!

Pesuruh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam kembali kepada lelaki Badui itu untuk yang ketiga kalinya, tetapi lelaki Badui itu mengeluarkan jawaban yang sama kepada utusan Rasulullah.

Ketika lelaki Badui itu sedang berbicara dengan utusan Rasulullah, tiba-tiba Allah mengirimkan awan di atas kepala lelaki Badui itu, lalu awan tersebut mengeluarkan guruhnya, dan petir menyambar lelaki Badui itu mengenai kepalanya sehingga kepalanya hilang.

Maka Allah Subhanahu Wataala menurunkan firman-Nya :

... وَيُرۡسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمۡ يُجَٰدِلُونَ فِي ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلۡمِحَالِ ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "... dan Dia lah juga yang menghantarkan petir dan halilintar[33], lalu Dia mengenakan dengan panahan petir dan halilintarnya itu lalu menimpa kepada

[33] Jalalain, iaitu api yang keluar dari mendung.

Muyassar, cahaya menyilau terang keluar antara celah-celah awan.

sesiapa yang dikehendakinya (kemudian halilintar itu membakarnya[34]), dan mereka yang kufur ingkar itu membantah (serta mendustakan RasulNya) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah Subhanahu Wataala (berupa ketauhidanNya dan Maha Kuat kuasaNya) padahal Dialah Tuhan Yang amat keras azab seksanya (bagi yang menderhaka kepadaNya)."[35].

RIWAYAT LAIN ASBABUN NUZUL AYAT 13 TENTANG BADUI

ابن جرير meriwayatkannya melalui hadith علي بن أبي سارة dengan sanad yang sama.

Al Hafiz أبو بكر البزار meriwayatkannya dari عبدة بن عبد الله dari يزيد بن هارون dari ديلم بن غزوان dari ثابت dari أنس lalu disebutkan hal yang semisal.

البزار mengatakan[36], telah menceritakan kepada kami محمد بن الحسن telah menceritakan kepada kami عفان telah menceritakan kepada kami أبان بن يزيد telah menceritakan kepada kami أبو عمران الجوني dari عبد الرحمن بن صحار العبدي.

Disebutkan bahawa Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam pernah mengutusnya kepada seseorang yang berlaku sewenang-wenangnya untuk menyerunya agar memeluk Islam.

Tetapi lelaki yang diserunya bertanya, bagaimanakah menurut kamu semua tentang Tuhan kamu semua, apakah dari emas, atau dari perak atau dari permata?.

Ketika lelaki yang diseru itu membantah mereka yang menyerunya, tiba-tiba Allah mengirimkan segumpal awan, lalu awan itu mengeluarkan suara guruhnya, kemudian Allah melepaskan halilintar mengenai lelaki yang diseru itu sehingga

---

34 Jalalain, Ayat ini diturunkan berkenaan dengan seorang laki-laki yang Nabi saw. mengutus seseorang untuk menyerunya menyembah Allah, akan tetapi laki-laki itu menjawab, siapakah utusan Allah Taala itu, dan siapakah Allah Taala itu, apakah Dia dari emas atau dari perak atau dari tembaga, ketika itu juga turunlah halilintar menyambarnya sehingga hancur tulang tempurung kepalanya.

35 Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

36 [50] مرسل ابن جرير في تفسيره (16/20266) ورجاله ثقات رجال الصحيح غير عبد الرحمن بن صحار العبدي فقد ترجم له الحافظ ابن حجر في تعجيل المنفعة (629) وقال روى عن أبيه وله صحبة وعنه أبو العلاء الشخير قال الحسيني ليس بالمشهور وكذا قال وقد ذكره ابن حبان في ثقات التابعين (5/95) وزاد نسبه السيوطي في الدر المنثور (4/99) إلى الخرائطي في مكارم الأخلاق وانظر ما قبله.

kepalanya hilang. Dan turunlah ayat ini.

RIWAYAT LAIN ASBABUN NUZUL AYAT 13 TENTANG YAHUDI

أبو بكر بن عياش[37] telah menceritakan dari ليث بن أبي سليم dari مجاهد yang mengatakan bahawa seorang Yahudi datang kepada Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam, lalu berkata, hai Muhammad, ceritakanlah kepadaku tentang Tuhanmu, terbuat dari apa, apakah dari tembaga atau dari mutiara atau dari batu yaqut?"

Perawi melanjutkan kisahnya, bahawa lalu datanglah halilintar menyambar lelaki itu hingga binasa, kemudian Allah Subhanahu Wataala menurunkan firman-Nya

... وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "... dan Dia lah juga yang menghantarkan petir dan halilintar[38], lalu Dia mengenakan dengan panahan petir dan halilintarnya itu lalu menimpa kepada sesiapa yang dikehendakinya (kemudian halilintar itu membakarnya[39]), dan mereka yang kufur ingkar itu membantah (serta mendustakan RasulNya) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah Subhanahu Wataala (berupa ketauhidanNya dan Maha Kuat kuasaNya) padahal Dialah Tuhan Yang amat keras azab seksanya (bagi yang menderhaka kepadaNya)."[40].

RIWAYAT LAIN ASBABUN NUZUL AYAT 13 TENTANG LELAKI INGKAR

قتادة mengatakan[41], telah diceritakan kepada kami bahawa pernah ada seorang lelaki yang ingkar kepada Al Quran dan mendustakan Nabi Muhammad sallallahu

37 [52] أخرجه ابن جرير (16/20271) بإسناد حسن إلى قتادة.

38 Jalalain, iaitu api yang keluar dari mendung.

Muyassar, cahaya menyilau terang keluar antara celah-celah awan.

39 Jalalain, Ayat ini diturunkan berkenaan dengan seorang laki-laki yang Nabi saw. mengutus seseorang untuk menyerunya menyembah Allah, akan tetapi laki-laki itu menjawab, siapakah utusan Allah Taala itu, dan siapakah Allah Taala itu, apakah Dia dari emas atau dari perak atau dari tembaga, ketika itu juga turunlah halilintar menyambarnya sehingga hancur tulang tempurung kepalanya.

40 Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

41 [50]

alaihi wasallam Lalu Allah mengirimkan halilintar untuk menyambarnya hingga binasa, kemudian Allah Subhanahu Wataala menurunkan firman-Nya :

... وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "... dan Dia lah juga yang menghantarkan petir dan halilintar[42], lalu Dia mengenakan dengan panahan petir dan halilintarnya itu lalu menimpa kepada sesiapa yang dikehendakinya (kemudian halilintar itu membakarnya[43]), dan mereka yang kufur ingkar itu membantah (serta mendustakan RasulNya) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah Subhanahu Wataala (berupa ketauhidanNya dan Maha Kuat kuasaNya) padahal Dialah Tuhan Yang amat keras azab seksanya (bagi yang menderhaka kepadaNya)."[44].

RIWAYAT LAIN ASBABUN NUZUL TENTANG DUA LELAKI INGKAR

Sehubungan dengan asbabun nuzul ayat ini, ulama tafsir[45] menceritakan kisah عامر بن الطفيل dan أربد بن ربيعة ketika keduanya tiba di Madinah dan menghadap kepada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, lalu keduanya meminta separuh dari urusan itu buat mereka berdua kepada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam tetapi Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menolak permintaan mereka berdua.

Maka عامر بن الطفيل berkata kepada Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, ingatlah, demi Allah, sesungguhnya aku benar-benar akan memenuhi kota Madinah untuk memerangimu dengan pasukan berkuda dan pasukan jalan kaki.

---

42 Jalalain, iaitu api yang keluar dari mendung.

Muyassar, cahaya menyilau terang keluar antara celah-celah awan.

43 Jalalain, Ayat ini diturunkan berkenaan dengan seorang laki-laki yang Nabi saw. mengutus seseorang untuk menyerunya menyembah Allah, akan tetapi laki-laki itu menjawab, siapakah utusan Allah Taala itu, dan siapakah Allah Taala itu, apakah Dia dari emas atau dari perak atau dari tembaga, ketika itu juga turunlah halilintar menyambarnya sehingga hancur tulang tempurung kepalanya.

44 Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

45 [53] أخرجه ابن جرير (16/20250) حدثني يونس ناث ابن وهب قال قال ابن زيد في قوله فذكر الحديث وعزاه السيوطي إلى أبي الشيخ وانظر ما بعده.

Maka Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menjawabnya, Allah Taala pasti menolakmu melakukan hal tersebut, demikian pula orang-orang Ansar.

Kemudian keduanya berniat akan membunuh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam.

Untuk itu, salah seorang dari keduanya mengajak Rasulullah sallallahu alaihi wasallam berbicara, sedangkan yang lainnya menghunus pedang untuk membunuh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dari arah belakang.

Akan tetapi, Allah Subhanahu Wataala melindungi diri Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dari perbuatan keduanya dan menjaganya.

Akhirnya keduanya pergi meninggalkan kota Madinah, lalu berkeliling menemui kabilah-kabilah Arab Badui, mengumpulkan orang-orangnya buat memerangi Rasulullah sallallahu alaihi wasallam.

Maka Allah mengirimkan awan yang mengandung halilintar kepada أربد, kemudian أربد mati terbakar disambar halilintar.

Adapun عامر بن الطفيل Allah mengirimkan penyakit taun kepadanya.

Akhirnya tubuh عامر terkena penyakit bisul yang besar, sehingga عامر merintih-rintih kesakitan dan berkata, hai keluarga عامر, aku terserang bisul seperti bisul punuk unta, dan kematianku sudah dekat, iaitu di rumah keluarga سلولية.

Akhirnya matilah keduanya.

Semoga mereka berdua dilaknat oleh Allah Taala.

Sehubungan dengan peristiwa seperti itu Allah menurunkan firman-Nya,

... وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "... lalu Dia mengenakan dengan panahan petir dan halilintarnya itu lalu menimpa kepada sesiapa yang dikehendakinya (kemudian halilintar itu membakarnya[46]), dan mereka yang kufur ingkar itu membantah (serta

[46] Jalalain, Ayat ini diturunkan berkenaan dengan seorang laki-laki yang Nabi saw. mengutus seseorang untuk menyerunya menyembah Allah, akan tetapi laki-laki itu menjawab, siapakah utusan Allah Taala itu, dan siapakah Allah Taala itu, apakah Dia

mendustakan RasulNya) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah Subhanahu Wataala (berupa ketauhidanNya dan Maha Kuat kuasaNya) padahal Dialah Tuhan Yang amat keras azab seksanya (bagi yang menderhaka kepadaNya)."[47].

Sehubungan dengan peristiwa itu, لبيد بن ربيعة (saudara lelaki أربد) mengatakan dalam bait syairnya yang mengungkapkan rasa dukacitanya :

أَخْشَى عَلَى أَرْبَدَ الْحُتُوْفَ وَلَا أَرْهَبُ نَوْءَ السِّماكِ وَالْأَسَدِ

فَجَعَنِي الرَّعْدُ وَالصَّوَاعِقُ بالْفَارِسِ يَوْمَ الْكَرِيْهَةِ النَّجْدِ

Yang bermaksud, aku merasa khawatir maut akan merenggut أربد, tetapi aku tidak merasa takut akan keselamatannya terhadap hujan-Mu dan singa.

Tetapi sangat mengejutkan aku halilintar dan guruh yang menggelegar menyambar seorang pendekar di hari yang sangat kubenci di Najd.

RIWAYAT LAIN TENTANG DUA LELAKI INGKAR

Al Hafiz أبو القاسم الطبراني mengatakan[48], telah menceritakan kepada kami مسعدة بن سعيد العطار telah menceritakan kepada kami إبراهيم بن المنذر الحزامي telah menceritakan kepadaku عبد العزيز بن عمران telah menceritakan kepadaku عبد الرحمن dan عبد الله (keduanya anak زيد بن أسلم), dari ayahnya, dari عطاء ابن يسار dari ابن عباس bahawa أربد بن قيس بن جَزْء بن كلاب dan عامر بن الطفيل بن مالك dan جليد بن جعفر بن كلاب tiba di Madinah untuk menjumpai Rasulullah sallallahu alaihi wasallam lalu keduanya menjumpainya.

Saat itu Rasulullah sallallahu alaihi wasallam sedang duduk maka keduanya duduk di hadapan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam عامر بن الطفيل berkata, hai Muhammad, apakah yang akan engkau berikan kepadaku jika aku masuk Islam?"

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda, engkau akan memperoleh hak

dari emas atau dari perak atau dari tembaga, ketika itu juga turunlah halilintar menyambarnya sehingga hancur tulang tempurung kepalanya.

[47] Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

[48] [54] إسناده ضعيف المعجم الكبير (10/10760) وفي الأوسط (9/9127) ومن طريقه أبو نعيم في الدلائل (ص 162-163) وذكره الهيثمي في المجمع (7/44، 45) وقال رواه الطبراني في الأوسط والكبير بنحوه ... وفي إسناده عبد العزيز بن عمران وهو ضعيف وقال عنه الحافظ في التقريب متروك احترقت كتبه فحدث من حفظه فاشتد غلطه وزاد نسبته السيوطي في الدر المنثور (4/89) إلى ابن المنذر وابن أبي حاتم وابن مردويه وأصل قصة عامر عند البخاري في صحيحه كتاب المغازي باب غزوة الرجيع (4091) وأحمد (13219)(3/210) من حديث أنس بن مالك.

seperti kaum muslim lainnya dan mempunyai kewajiban yang sama dengan mereka.

عامر بن الطفيل berkata lagi, apabila aku masuk Islam, mahukah engkau jika aku memegang tampuk pemerintahan sesudahmu?.

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bersabda, hal itu bukanlah untukmu, bukan pula untuk kaummu, tetapi engkau boleh memegang tali kendali kuda (memimpin pasukan berkuda)".

عامر menjawab, sekarang saya adalah pemimpin pasukan berkuda Najd.

Berikanlah kepadaku kekuasaan atas daerah-daerah pendalaman, dan engkau mempunyai kekuasaan di daerah-daerah perkotaan.

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menjawab, tidak.

Ketika keduanya telah pergi dari hadapan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, berkatalah عامر, ingatlah, demi Allah, sesungguhnya aku akan memenuhi kota Madinah dengan pasukan berkuda dan pasukan jalan kaki untuk memerangimu.

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menjawabnya, Allah pasti mencegahmu.

Setelah أربد dan عامر keluar dari sisi Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, عامر berkata, hai أربد, aku akan menyibukkan Muhammad darimu dengan pembicaraan, lalu pukullah dia olehmu dengan pedang, kerana sesungguhnya orang-orang Madinah itu, bila kamu membunuh Muhammad, paling tidak tuntutan mereka adalah دية.

Mereka pasti tidak mahu berperang, maka kita beri mereka diat-nya.

أربد berkata, akan saya lakukan.

Keduanya kembali lagi menemui Rasulullah sallallahu alaihi wasallam.

عامر berkata, hai Muhammad, kemarilah bersamaku, aku akan berbicara denganmu.

Rasulullah sallallahu alaihi wasallam bangkit dan pergi bersama عامر, lalu keduanya duduk di dekat pagar kebun kurma.

عامر berbincang-bincang dengan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, sedangkan أربد menghunus pedangnya.

Tetapi ketika أربد meletakkan tangannya pada gagang pedang, tiba-tiba tangannya kaku dan melekat pada gagang pedangnya sehingga ia tidak dapat mencabut pedang.

Ketika أربد dalam keadaan demikian, dalam waktu yang cukup lama dirasakan oleh عامر, tiba-tiba Rasulullah sallallahu alaihi wasallam berpaling ke belakang dan

melihat أربد dalam keadaannya yang demikian, maka beliau pergi meninggalkan keduanya.

Akhirnya عامر dan أربد pergi dari hadapan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam, dan ketika keduanya telah sampai di الحارة iaitu حرة واقم keduanya turun beristirahat.

سعد بن معاذ dan أسيد بن حضير keluar (dari Madinah) mengejar keduanya.

سعد dan أسيد berkata, nampakkanlah dirimu, hai dua orang lelaki musuh Allah, semoga Allah melaknatmu berdua!

عامر bertanya, siapakah temanmu itu, hai سعد?

سعد menjawab, Ini adalah أسيد بن حضير, panglima pasukan.

Keduanya pergi dari Madinah.

Ketika sampai di الرقم, Allah mengirimkan halilintar bagi أربد, lalu halilintar menyambarnya hingga mati.

Sedangkan عامر pula, ketika dia sampai di الخريم, Allah menimpakan penyakit bisul yang membinasakannya.

Pada malam harinya dia sampai di rumah seorang wanita dari kalangan Bani سلول, lalu dia mengusap bisul di tenggorokannya seraya berkata, bisul seperti bonggol unta di rumah seorang wanita Bani سلول, dengan harapan dia ingin mati di rumah wanita itu.

Pada keesokan harinya dia mengendarai kudanya pulang ke negerinya, tetapi di tengah jalan dia nazak dan mati.

Sehubungan dengan peristiwa kedua orang itu Allah menurunkan firman-Nya,

﴿ٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَحْمِلُ كُلُّ أُنثَىٰ وَمَا تَغِيضُ ٱلْأَرْحَامُ وَمَا تَزْدَادُ ۖ وَكُلُّ شَىْءٍ عِندَهُۥ بِمِقْدَارٍ﴾ ﴿سورة الرعد آية ٨﴾. ﴿عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْكَبِيرُ ٱلْمُتَعَالِ﴾ ﴿سورة الرعد آية ٩﴾. ﴿سَوَآءٌ مِّنكُم مَّنْ أَسَرَّ ٱلْقَوْلَ وَمَن جَهَرَ بِهِۦ وَمَنْ هُوَ مُسْتَخْفٍۭ بِٱلَّيْلِ وَسَارِبٌۢ بِٱلنَّهَارِ﴾ ﴿سورة الرعد آية ١٠﴾. ﴿لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِۦ يَحْفَظُونَهُۥ مِنْ أَمْرِ ٱللَّهِ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ ۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوْمٍ سُوٓءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُۥ ۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ﴾ ﴿سورة الرعد آية ١١﴾.

Yang bermaksud, “Allah Taala mengetahui akan apa yang dikandung oleh tiap-tiap ibu, dan mengetahui apa yang kurang dari yang dikandung dalam rahim itu

atau yang lebih. Dan tiap-tiap sesuatu adalah ditetapkan di sisiNya dengan kadar yang tertentu. (8). Dia lah yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata; Dia lah jua Yang Maha Besar, lagi maha Tinggi (Yang mengatasi segala-galanya). (9). Sama sahaja kepadaNya: sesiapa di antara kamu yang merahsiakan kata-katanya dalam hati dan yang menyatakannya; juga yang bersembunyi pada waktu malam dan yang keluar berjalan pada waktu siang. (10). Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya. (11)."[49].

Perawi mengatakan bahawa malaikat-malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran menjaga Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam atas perintah Allah, kemudian perawi menyebutkan kisah أربد dan kematiannya, lalu membacakan firman Allah Subhanahu Wataala,

... وَيُرْسِلُ ٱلصَّوَٰعِقَ فَيُصِيبُ بِهَا مَن يَشَآءُ وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِى ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "... dan Dia lah juga yang menghantarkan petir dan halilintar[50], lalu Dia mengenakan dengan panahan petir dan halilintarnya itu lalu menimpa kepada sesiapa yang dikehendakinya (kemudian halilintar itu membakarnya[51]), dan mereka

---

49 Basmeih.

50 Jalalain, iaitu api yang keluar dari mendung.

Muyassar, cahaya menyilau terang keluar antara celah-celah awan.

51 Jalalain, Ayat ini diturunkan berkenaan dengan seorang laki-laki yang Nabi saw. mengutus seseorang untuk menyerunya menyembah Allah, akan tetapi laki-laki itu menjawab, siapakah utusan Allah Taala itu, dan siapakah Allah Taala itu, apakah Dia dari emas atau dari perak atau dari tembaga, ketika itu juga turunlah halilintar menyambarnya sehingga hancur tulang tempurung kepalanya.

yang kufur ingkar itu membantah (serta mendustakan RasulNya) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah Subhanahu Wataala (berupa ketauhidanNya dan Maha Kuat kuasaNya) padahal Dialah Tuhan Yang amat keras azab seksanya (bagi yang menderhaka kepadaNya)."[52].

KAUM INGKAR SUKA BERBANTAHAN TENTANG ALLAH TAALA

Adapun firman Allah Taala,

... وَهُمْ يُجَٰدِلُونَ فِي ٱللَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "... dan mereka yang kufur ingkar itu membantah (serta mendustakan RasulNya) mengenai perkara yang berhubung dengan Allah Subhanahu Wataala (berupa ketauhidanNya dan Maha Kuat kuasaNya) padahal Dialah Tuhan Yang amat keras azab seksanya (bagi yang menderhaka kepadaNya)."[53].

Maksudnya, mereka meragukan kebesaran Allah Taala yang sesungguhnya tidak ada Tuhan selain Dia.

AZAB SEKSA ALLAH TAALA AMAT KERAS

Allah Taala berfirman,

... وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "... padahal Dialah Tuhan Yang amat keras azab seksanya (bagi yang menderhaka kepadaNya)."[54].

ابن جرير mengatakan bahawa seksaan Allah Taaala yang amat keras itu hanya ditujukan kepada orang yang melampaui batas terhadap-Nya serta berterusan dalam kekufurannya.

PERANCANGAN JAHAT AKAN DIBALAS DENGAN SELAYAKNYA

Ayat ini maknanya serupa dengan firman Allah Subhanahu Wataala,

وَمَكَرُواْ مَكْرًا وَمَكَرْنَا مَكْرًا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿سورة النمل آية ٥٠﴾. فَٱنظُرْ كَيْفَ كَانَ عَٰقِبَةُ مَكْرِهِمْ أَنَّا دَمَّرْنَٰهُمْ وَقَوْمَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿سورة النمل آية ٥١﴾.

Yang bermaksud, "Dan (dengan demikian) mereka telah merancangkan

52 Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

53 Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

54 Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

rancangan jahat dan tipu helah (untuk membunuh Nabi Soleh dan para pengikutnya) dengan bersungguh-sungguh (maka Kami selamatkan Nabi Soleh alaihis salam), dan Kami pula (dengan kemegahan Kami telah) merancangkan balasannya (dengan menyegerakan hukuman kepada mereka) dengan seburuk-buruk balasan, sedang mereka tidak menyedarinya. (50). Maka lihatlah dan perhatikanlah dengan pemerhatian iktibar secara bersungguh-sungguh bagaimana akibat rancangan jahat mereka itu terhadap nabi mereka Nabi Soleh, iaitu Kami telah hancur binasakan mereka semua dengan jeritan malaikat Jibril atau para Malaikat melempari mereka dengan batu-batu sedangkan mereka tidak melihat malaikat-malaikat itu tetapi para malaikat melihat mereka. (51)."[55].

Dari علي[56] radhiyAllahu anhu disebutkan sehubungan dengan makna firman-Nya,

... وَهُوَ شَدِيدُ ٱلْمِحَالِ ﴿سورة الرعد آية ١٣﴾.

Yang bermaksud, "... padahal Dialah Tuhan Yang amat keras azab seksanya (bagi yang menderhaka kepadaNya)."[57].

... Yakni sangat keras pembalasan-Nya.

مجاهد mengatakan bahawa Allah Taala sangat kuat (Maha Kuat).

TENTANG PERANCANGAN JAHAT

أبو أحمد berkata,

Allah Taala pernah menceritakan tentang Nabi نوح alaihi salam yang mencabar kaumya melakukan rancangan jahat secara terang-terangan untuk melihat siapakah yang berjaya dan siapakah yang kalah.

Allah Taala berfirman,

وَٱتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ نُوحٍ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦ يَٰقَوْمِ إِن كَانَ كَبُرَ عَلَيْكُم مَّقَامِى وَتَذْكِيرِى بِـَٔايَٰتِ ٱللَّهِ فَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْتُ فَأَجْمِعُوٓا۟ أَمْرَكُمْ وَشُرَكَآءَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ غُمَّةً ثُمَّ ٱقْضُوٓا۟ إِلَىَّ وَلَا تُنظِرُونِ ﴿سورة يونس آية ٧١﴾.

---

55 Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

56 [55] أخرجه ابن جرير (16/20273) وفي إسناده سيف بن عمر الضبي قال ابن حجر في التقريب ضعيف الحديث عمدة في التاريخ أفحش ابن حبان القول فيه.

57 Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.

Yang bermaksud, "Dan bacakanlah (wahai Muhammad) kepada mereka (dari kalangan orang-orang kafir Mekah) berita penting perihal Nabi Nuh alaihis salam, ketika dia berkata kepada kaumnya, wahai kaumku! sekiranya kedudukan aku tinggal bersama dalam kalangan kamu, dan peringatan yang aku berikan kepada kamu dengan ayat-ayat keterangan Allah Taala itu, menjadi keberatan kepada kamu, maka (buatlah apa yang kamu hendak buat, kerana) kepada Allah Taala jualah aku berserah diri, dan bertawakkal, oleh itu, tetapkanlah keazaman kamu dan bulatkanlah keputusanmu serta sekutu-sekutu kamu untuk melakukan rancangan jahat kamu (terhadapku untuk membinasakanku), kemudian janganlah hendaknya rancangan jahat kamu itu, kamu jalankan secara tersembunyi berahsia-rahsia (tetapi biarlah terbuka dan berterus-teranglah kepadaku tentang hal itu), sesudah itu bertindaklah terus terhadapku dan janganlah kamu tunggu-tunggu bertangguh lagi kerana sesungguhnya aku tidak akan mempedulikan kamu lagi."[58].

[58] Basmeih, Jalalain, Indonesia, Muyassar.